

Delegasi kita tiada masalah makanan halal

U.M 26/07/07 MS 13

MANILA 25 Julai – Bagi kebanyakan masyarakat Islam yang melakukan perjalanan ke luar negara, khususnya ke negara bukan Islam, satu daripada masalah paling besar ialah mendapatkan makanan halal.

Bagaimanapun delegasi Malaysia beragama Islam yang menghadiri Mesyuarat ke-40 Menteri-Menteri ASEAN (AMM) di sini yang bermula pada Ahad, tidak

menghadapi masalah itu sama sekali.

Berkat pandangan jauh kedutaan Malaysia di sini, terutama dutanya, **Ahmad Rasidi Hazizi**, kesemua delegasi Malaysia ditempatkan di satu-satunya hotel di Manila yang menyajikan makanan halal, The Heritage Hotel di Bandaraya Pasay.

“Agak sukar untuk mendapat makanan halal di sini. Sebab itu-

lah kami mahu semua delegasi Malaysia tinggal di hotel ini semasa AMM, jadi mendapatkan makanan halal bukanlah masalah bagi kita,” katanya kepada *Bernama* di sini hari ini.

Ahmad Rasidi berkata, kedutaan itu diberikan jaminan mengenai hidangan makanan halal itu oleh pengurus besar hotel berkenaan, Eddie Yeo, seorang warga Malaysia.

“Beliau memaklumkan kepada kami bahawa sudah lama hotel ini menyajikan makanan halal dan sebagai warga Malaysia, beliau memahami kepentingan makanan halal kepada orang Islam. Selain itu, kami juga ada meminta mereka menyediakan makanan Malaysia seperti roti canai, jadi anda semua tidaklah merindui sangat makanan Malaysia selama anda berada di sini,” katanya, sambil tersenyum.

Beliau berkata, untuk mencari makanan sebenar Malaysia di Manila juga sukar kerana tiada restoran Malaysia di bandar raya ini.

“Di sini anda boleh dapati restoran Singapura dan Indonesia tetapi bukan restoran Malaysia, dan ia agak memeranjatkan kerana biasanya di mana sahaja kita pergi kita akan temui sekurang-kurangnya sebuah restoran Malaysia,” kata Ahmad Rasidi yang mengetuai Kedutaan Malaysia di Filipina sejak September lepas.

Beliau berkata, kedutaan berkenaan berharap keadaan itu akan segera berubah berikutan langkah yang diambil untuk mempromosikan *Malaysian Kitchen, satu daripada usaha kerajaan Malaysia bagi memperkenalkan makanan Malaysia ke luar negara*.

“Kami bermula dengan hotel ini (Heritage Hotel) dan akan memperluaskannya ke hotel lain di bandar raya ini,” katanya.

Sementara itu Yeo berkata, menyediakan makanan halal adalah projek pertama yang diusahakannya semasa beliau mula tiba di sini berikutan aduan daripada banyak warga Malaysia dan masyarakat Islam yang sukar mendapatkan makanan halal di hotel di sini.

“Kami menyediakan makanan halal sejak dua tahun lepas. Saya rasa inilah satu-satunya hotel di bandar raya ini yang menyediakan makanan halal kerana di tempat lain, anda perlu membuat permintaan dan sungguhpun begitu, tiada jaminan anda akan mendapat makanan halal yang tulen,” katanya, sambil menambah adakalanya makanan halal disajikan sebelah menyebelah dengan yang bukan halal.

“Di sini, kami tidak mempunyai masalah seperti itu kerana perkara pertama yang saya lakukan ialah mendidik kakitangan saya mengenainya,” katanya dan mendakwa ia merupakan strategi pasaran yang baik memandangkan hotel itu kini menjadi pilihan utama warga Malaysia dan Singapura.

Seorang warga Malaysia, **Mohamed Zukri Salleh**, yang mengelolakan mesyuarat untuk sebuah syarikat Malaysia di sini berkata, beliau memilih hotel itu sebagai tempat mesyuarat disebabkan makanan halal dan ketiadaan pasukan anjing yang ditempatkan di hampir setiap hotel di bandar raya ini atas sebab keselamatan.

“Di sini, anda boleh lihat sendiri, tiada anjing yang menghidu kita tetapi di hotel lain, kita perlu melepasi haiwan itu sebelum kita dibenarkan masuk,” katanya, dan menambah sungguhpun perkara itu dianggap perlu namun ia memberikan pengalaman kurang menyenangkan kepada umat Islam apabila anjing digunakan untuk pemeriksaan.

Sepanjang mesyuarat lima hari itu, kira-kira 50 delegasi Malaysia akan menginap di hotel berkenaan, termasuk Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, yang dijadual tiba di sini pada Ahad.

— Bernama



AHMAD Rasidi Hazizi bersama Eddie Yeo di The Heritage Hotel yang menyediakan makanan halal di Bandar Raya Pasay, Manila, semalam.